

RMK-9 utama pembangunan masyarakat luar bandar

KEPRIHATINAN kerajaan menghapuskan kemiskinan yang membelenggu masyarakat luar bandar diprogramkan secara menyeluruh menerusi Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr Mohd Tap Salleh, berkata kementeriannya memberi tumpuan terhadap peningkatan pendapatan menerusi program pembangunan luar bandar yang menekankan pembangunan modal insan, membuka peluang baru dalam bidang ekonomi serta mengukuhkan institusi sosial dan keluarga di luar bandar.

Selaras dengan Misi Nasional, kementerian diberi mandat untuk melaksanakan program membangunkan masyarakat luar bandar dengan memberi penekanan kepada pembangunan modal insan, selain aspek lain.

"Pembangunan modal insan faktor penting dalam memastikan program pembangunan yang dilaksanakan berdaya maju dan tahan. Ia sekali gus meningkatkan keberkesanan kos pelaksanaan serta memberikan impak kepada masyarakat luar bandar.

"Langkah ini seiring dengan falsafah dan strategi pembangunan luar bandar yang mahu melahirkan individu cemerlang, keluarga sejahtera dan masyarakat beridentiti," katanya.

Program pembangunan modal insan di antara lain meliputi bidang pendidikan dan latihan kemahiran; pembasmian kemiskinan; pembangunan usahawan; peningkatan pendapatan; kepimpinan dan keibubapaan.

Apa yang penting dengan adanya program seumpama, segala perencanaan untuk membangunkan masyarakat luar bandar dapat disusun secara menyeluruh bermula dari peringkat kanak-kanak hingga pemimpin masyarakat, termasuk Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK).

Dr Mohd Tap berkata, kementeriannya merancang menyediakan 'Kempen 2 Jam 3 Jam' untuk meningkatkan keprihatinan ibu bapa dalam membimbing anak yang berada di sekolah rendah dan menengah untuk mengulang kaji pelajaran pada setiap hari.

"Kita akan adakan kempen itu secara berterusan melalui seminar dan ceramah keibubapaan supaya mereka lebih memahami tanggungjawab dalam institusi kekeluargaan.

Berdasarkan perangkaan kementerian, kira-kira 52,000 lagi penduduk di luar bandar, khususnya di Kelantan, Sabah dan Sarawak masih tergolong miskin tegar dan program pembasmian kemiskinan yang dirancang memerlukan sokongan daripada ahli JKKK supaya setiap pembangunan itu sampai kepada golongan sasaran.

Mereka ini juga menjadi 'mata dan telinga' kerajaan dalam melaksanakan program yang dirancang. Seharusnya mereka memahami peranan yang perlu dimainkan sebagai pemimpin masyarakat.

Justeru, Garis Panduan dan Tatacara Kerja Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung yang akan menjadi bahan rujukan JKKK disediakan dengan tujuan meningkatkan tahap kecekapan JKKK dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya memajukan kampung masing-masing.

Perkara penting selain pendidikan dalam usaha mengeluarkan masyarakat luar keluar daripada kemiskinan adalah keupayaan mereka menjaja pendapatan dan ekonomi. Dengan itu, pelancaran Direktori Skim Pinjaman Ekonomi Desa (SPED) yang di antara lain mengandungi maklumat terperinci mengenai nama dan alamat perniagaan 310 usahawan luar bandar yang berjaya, barangan dan perkhidmatan yang ditawarkan, alamat perhubungan dan maklumat penting lain akan menjadi instrumen promosi kepada usahawan luar bandar.

Ini pula dilengkapi dengan penubuhan Kelab Sahabat Kemas, iaitu sebuah organisasi yang dianggotai oleh semua kakitangan Kemas, ahli Jawatankuasa Aktiviti Kemas, peserta aktiviti Kemas, ibu bapa kanak-kanak Tabika Kemas. Dengan adanya organisasi ini, membolehkan setiap perancangan yang dilakukan dapat diintegrasikan.

Secara keseluruhan, dalam RMK-9, kerajaan memperuntukkan RM10.96 bilion dan diagihkan mengikut lima terus utama. Berdasarkan agihan peruntukan itu, jumlah terbesar untuk meningkatkan tahap dan kemapanan kualiti hidup iaitu sebanyak RM6.5 bilion; meningkatkan nilai tambah dalam ekonomi negara (RM2.1 bilion); menangani masalah ketidaksamaan sosioekonomi secara membina dan produktif (RMT.1 bilion); meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama (RM937 juta) serta mengukuhkan keupayaan institusi dan keupayaan pelaksanaan negara (RM146 juta).

Selain itu, dalam Dana Inisiatif Swasta sejumlah RM55 juta diperuntukkan bagi membiayai pembinaan bangunan tambahan Institut Kemajuan Desa (Infra).